



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

PELAN PENGURUSAN
RISIKO
RASUAH

(2020 - 2024)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

KANDUNGAN

I	RUANGAN YAS KETUA PENGARAH	5
II	PENYATAAN KOMITMEN	6
III	KATA-KATA ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI	7
1	LATAR BELAKANG JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	8
2	CARTA ORGANISASI KPKT	10
3	CARTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	11
4	FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN	12
5	KENAL PASTI RISIKO RASUAH	15
5.1	APAKAH PENGURUSAN RISIKO RASUAH/ <i>CORRUPTION RISK</i> MANAGEMENT (CRM)	16
5.2	PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	16
5.3	PROSES-PROSES DALAM PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	17
5.4	DEFINASIKAN OBJEKTIF	18
6	PENGUKURAN RISIKO RASUAH	19
6.1	MATLAMAT STRATEGIK/PERANCANGAN STRATEGIK	22
6.2	PEMETAAN RISIKO RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	23
6.3	POTENSI RISIKO RASUAH	26
7	PELAN TINDAKAN RISIKO RASUAH	37
8	PEMANTAUAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH	43
8.1	PEMANTAUAN	44
8.2	TUJUAN PEMANTAUAN	44
8.3	PEMANTAUAN : PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN	45
9	PENGHARGAAN	46
10	GLOSARI	47
11	FOTO	48
12	RUJUKAN	50

I RUANGAN YAS KETUA PENGARAH



Ruangan YAS Ketua Pengarah

**Bismillahirrahmanirrohim
Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera,
Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia**

Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra


Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa mendukung tinggi hasrat Kerajaan dalam memastikan tadbir urus baik

diamalkan oleh semua penjawat awam khususnya warga Jabatan. Justeru itu, pembudayaan integriti akan terus dilaksanakan bagi menyemai penghayatan dan pengukuhan integriti melalui pelbagai program yang dirancang dan disusun rapi dengan melibatkan semua warga Jabatan mahupun agensi lain.

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah/*Corruption Risk Management (CRM)* Jabatan ini adalah menyahut aspirasi Kerajaan bagi memastikan semua agensi kerajaan berintegriti dan bebas dari rasuah. Oleh yang demikian, Pelan CRM JBPM telah dibangunkan secara komprehensif dengan mengenalpasti ruang dan peluang yang boleh menjejaskan tadbir urus JBPM. Dengan itu, tindakan bagi menangani permasalahan yang dikenalpasti dari terus merebak dan menjejaskan imej Jabatan amat penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan kepada masyarakat dengan lebih efisien, berintegriti dan akauntabiliti.

Dengan adanya Pelan CRM JBPM ini, saya menyeru kepada semua warga Jabatan agar pelan tindakan yang dirancang dapat dihayati seterusnya dilaksanakan bagi mencapai visi JBPM sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.
Terima kasih.



**(DATU' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID)
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

II PENYATAAN KOMITMEN



YAS DATO' ABDUL WAHAB BIN MAT YASIN
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



YAS DATO' HJ SOIMAN BIN HJ JAHID
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pelan CRM JBPM merupakan mekanisme integriti dan antirasuah yang mencerminkan komitmen Jabatan ini langkah awal untuk mengesan dan membendung gejala rasuah, salah laku dan isu-isu yang berkaitan dengan integriti dalam jabatan.

Pelan ini dibangunkan adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan bagi memastikan semua agensi kerajaan berintegriti dan bebas dari rasuah. Ia penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang efisien dan berintegriti termasuklah cabang perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat.

Bagi memastikan kejayaan Pelan ini, kami selaku tunjang utama Jabatan ini komited dan bertekad akan memastikan segala pelan tindakan yang telah dikenalpasti dilaksanakan oleh semua warga JBPM dengan komited, telus, penuh akauntabiliti dan berintegriti.

Semoga dengan langkah ini, keyakinan rakyat akan meningkat terhadap perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan dan imej Jabatan terus dihormati. Kami dengan ikhlas berharap supaya Pelan ini dapat menjadi panduan bagi semua warga JBPM khususnya dan sekaligus membantu mencapai visi JBPM sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi.

..."kami selaku tunjang utama Jabatan ini komited dan bertekad akan memastikan segala pelan tindakan yang telah dikenalpasti dilaksanakan oleh semua warga JBPM dengan komited, telus, penuh akauntabiliti dan berintegriti "

III KATA-KATA ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI



Kata-kata Aluan Ketua Unit Integriti

**Bismillahirrahmanirrohim
Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera,
Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia
Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurniaNya dapat menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Penghasilan Pelan ini adalah bagi menyahut hasrat kerajaan dalam memastikan Jabatan mengambil langkah yang perlu bagi menutup ruang dan peluang berlakunya salahguna kuasa, penyelewengan dan rasuah di kalangan Penjawat Awam khususnya Warga Bomba. Justeru itu strategi dan pendekatan telah dirangka dalam menyediakan pelan tindakan agar dapat menangani risiko yang ada. Diharap dengan adanya pelan ini akan dapat menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bebas rasuah dapat dicapai.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak yang terlibat dalam menyediakan pelan ini.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.
Terima kasih


(PPjB MORNI BIN MAMAT)
KETUA UNIT INTEGRITI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Sejarah Perkhidmatan Bomba di Malaysia telah bermula sejak tahun 1883 melalui penubuhan Skwad Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F.Bellamy dan 15 anggota. Pada tahun 1946 sebaik sahaja tamat Perang Dunia Kedua, Perkhidmatan Bomba Malayan Union (MUS) telah ditubuhkan berikutan perantikan Flight Lt. W.J Gerumandi sebagai Pengarah Perkhidmatan Bomba *Malayan Union* (MUS) yang berpangkalan di Kuala Lumpur.



Perkhidmatan Bomba Malaysia disatukan sebagai sebuah jabatan di peringkat persekutuan dan penyatuan Bomba di Negeri-negeri Persekutuan pada 1hb Januari 1976. Penyatuan ini meletakkan Perkhidmatan Bomba Malaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Penyatuan ini diikuti oleh perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1hb Januari 1977. Pada 15hb Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak turut disatukan. Justeru mulai dari tarikh itu, organisasi ini dikenali secara rasmi sebagai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia (JPBM).

Jemaah Menteri telah bersetuju perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 8hb Januari 1997. Pada 21hb Febuari 1997, YAB Perdana Menteri Malaysia pada masa itu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (sekarang Tun) dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Genting Highlands. Mulai daripada detik itu, jabatan ini dinamakan dan dikenali sebagai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



FUNGSI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Peranan dan Fungsi Jabatan Bomba telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 26 Jadual ke Sembilan iaitu tertakluk kepada butiran 9A Senarai Bersama, Pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba. Manakala dalam butiran 9A, Senarai Bersama menyatakan langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah sebuah agensi yang menjalankan fungsi sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 (Akta 1568).

Dalam Seksyen 5

“BENCANA” ertinya sesuatu kejadian dalam mana nyawa atau harta terancam atau mungkin akan terancam.

1) Tugas-tugas Bomba hendaklah termasuk -

- (a) mengambil langkah-langkah yang sah bagi-
 - (i). memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran;
 - (ii). melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran;
 - (iii). menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyenggaraannya, dan pengawalseliaanya yang sempurna; dan
 - (iv). menentukan adanya jalan keluar yang cukup dari semua premis ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran.
- (b) menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal keadaan kebakaran; dan
- (c) melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

VISI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA


“Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi.”

MISI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA


“Memberi Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan yang Profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat”



2. CARTA ORGANISASI KPKT



3. CARTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



4. FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

JBPM mempunyai sebelas bahagian yang menjalankan fungsi seperti berikut:

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat



Bahagian ini menjalankan fungsi untuk menguruskan operasi kebombaan dan penyelamatan, menguruskan pusat gerakan operasi dan pasukan penyelamat khas, menjalankan pengurusan sumber air bagi operasi kebombaan, menguruskan pasukan bomba sukarela dan bomba bantuan, pengurusan unit pengesan dan berperanan untuk menyediakan dasar keselamatan pekerjaan dan kesihatan.

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian ini menjalankan fungsi yang berkaitan dengan Perakuan Keselamatan Kebakaran, Perakuan Pelesenan Bangunan, Penghapusan Bahaya Kebakaran, Perakuan Bomba, Pendaftaran Keselamatan Kebakaran, Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran, dan Piawai Keselamatan Kebakaran.



Bahagian Penyiasatan Kebakaran



Bahagian ini berperanan dalam menjalankan penyiasatan kebakaran untuk mengetahui tentang punca dan hal keadaan kebakaran disamping menjalankan ujian makmal. Menjalankan pendakwaan terhadap pelanggaran akta bomba serta menyediakan draf undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kebombaan.

Bahagian Udara

Bahagian ini menjalankan fungsi untuk menguruskan operasi udara, kejuruteraan pesawat termasuk penyelenggaraan dan pengujian dan pemeriksaan pesawat. Menjalankan fungsi pengurusan keselamatan melalui udara (*air surveillance*), piawai dan latihan serta menguruskan pangkalan-pangkalan udara JBPM.



Bahagian Latihan



Bahagian ini menjalankan fungsi penyelidikan dan pembangunan latihan, menguruskan Akademi Bomba dan Penyelamat, istiadat dan pakaian seragam, akreditasi iaitu termasuk ujian tahap kompetensi pasukan khas, standard kepakaran dan profesionalisme pasukan bomba seperti Unit K-9, HAZMAT, EMRS, SCUBA dan lain-lain, mengendalikan peperiksaan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Tahap Kompetensi.

Bahagian Pembangunan

Bahagian ini menjalankan fungsi menyediakan belanjawan pembangunan lima tahun, menguruskan pembangunan tanah dan pembinaan balai dan kuarters bomba. Membuat analisa keperluan dan perolehan jentera dan peralatan kebombaan serta menguruskan perolehan aset jabatan.



Bahagian Perancangan dan Penyelidikan



Bahagian ini menjalankan fungsi untuk mengkaji berkaitan pemasangan pemasangan keselamatan kebakaran, penyelidikan teknik dan taktik operasi menyelamat, kajian sains kebakaran dan kejuruteraan kebakaran.

Bahagian Kejuruteraan Jentera

Bahagian ini menjalankan fungsi menyelenggara jentera dan peralatan kebombaan, peralatan bekalan dan logistik alat-alat gantian.



Bahagian Pengurusan



Bahagian ini menjalankan fungsi untuk menguruskan aspek-aspek berkaitan sumber manusia, pengurusan kewangan, pentadbiran dan teknologi maklumat.

Bahagian Pengurusan Korporat

Bahagian ini menjalankan fungsi untuk merancang dasar jabatan, komunikasi korporat dan hubungan pelanggan, inspektorat dan mengendalikan hal ehwal kualiti dan MS ISO. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengendalikan perkara berkaitan badan sukan dan kebajikan, kesatuan sekerja, pesara dan persatuan pegawai wanita dan suri dan unit khas (*staff function*).



Unit Integriti



Unit Integriti sebelum ini dikenali sebagai Unit Disiplin yang menjalankan fungsi Tabdir Urus, Pematuhan, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan serta Tatatertib bagi menentukan dan memastikan warga JBPM mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh bagi meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika Jabatan di kalangan warga Bomba.



5. KENAL PASTI

RISIKO RASUAH

5.1 APAKAH PENGURUSAN RISIKO RASUAH/*CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)*

Pengurusan Risiko Rasuah adalah satu proses pengurusan yang membantu untuk mengenal pasti kelemahan struktur yang boleh membuka ruang kepada rasuah, menyediakan rangka kerja bagi semua kakitangan untuk mengambil bahagian dalam mengenal pasti faktor-faktor risiko dan rawatan, dan menumpukan pencegahan rasuah dalam rangka kerja tadbir urus yang mantap.


Pengurusan Risiko Rasuah juga merupakan alat pengurusan yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai Integriti. Intipati pendekatan ini menghubungkan risiko rasuah dengan objektif strategik entiti dan proses utama. Ini membolehkan kemungkinan risiko rasuah yang dikenal pasti untuk proses-proses utama yang akan terdedah dengan impak besar kepada entiti.

5.2 PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA


1. Keputusan dari Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan pada 28 Jun 2016 – setiap kementerian dan agensi dibawahnya perlu melaksanakan pendekatan kaedah Penilaian dan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM)*.
2. Pembangunan deraf Pelan CRM JBPM telah dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Perundangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui :
 - 2.1 Mesyuarat JITU peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah diadakan pada 2 Mac 2017 memutuskan supaya mewujudkan satu pengurusan yang bercirikan anti rasuah iaitu Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).
 - 2.2 Mesyuarat Pelaksanaan *Corruption Risk Management* telah diadakan pada 12 Mei 2017 dipengerusikan oleh YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusoff telah bersetuju supaya satu siri bengkel diadakan. Semasa Mesyuarat tersebut juga telah diadakan Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM)* pada 12 Mei 2017 oleh Puan Salwa Muharam, SPRM.
 - 2.3 Bengkel Pembangunan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM)* pada 1 hingga 4 Oktober 2018 di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bandar Baru Bangi yang dikendalikan oleh Puan Salwa binti Muharam dari SPRM selaku penceramah dan fasilitator.
 - 2.4 Mesyuarat Penyelarasan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah 23 November 2018 Bilik Mesyuarat Siantan, JBPM.
 - 2.5 Pemurnian Pelan Pengurusan Risiko Rasuah oleh Unit Integriti pada September 2019.
 - 2.6 Arahan YAB Perdana Menteri No 1. Tahun 2018 Siri 2 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional.
 - 2.7 Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2019-2023.

5.3 PROSES-PROSES DALAM PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Komponen Utama dalam Pengurusan Risiko Rasuah



5.4 DEFINASIKAN OBJEKTIF





6. PENGUKURAN **RISIKO RASUAH**

Terdapat 7 proses yang terlibat di dalam membuat penilaian risiko rasuah di dalam sesebuah organisasi iaitu:

1. **Kenalpasti risiko/potensi risiko rasuah**

Mengenalpasti risiko rasuah yang wujud dan berpotensi wujud dalam sesebuah organisasi. Pada proses ini, organisasi hendaklah menyenaraikan aktiviti utama yang dijalankan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Seterusnya kenalpasti aktiviti tersebut sama ada wujud atau tidak ruang dan peluang berlakunya rasuah.

2. **Kenalpasti punca-punca menggunakan terma rujukan (7 TOR) iaitu:**

Pada proses ini, kita hendaklah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan aktiviti yang telah disenaraikan mempunyai risiko rasuah. Dalam proses ini, kita menggunakan 7 terma rujukan yang telah digariskan iaitu seperti berikut:

1. Dasar dan Perundangan
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Nilai-nilai Murni dan Kod Etika
4. Pengurusan Pelanggan
5. Kawalan Dalaman
6. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan; dan
7. Pengiktirafan dan Penghargaan

3. **Tentukan akibat dan tahap risiko kasar (*gross risk rating*)**

Pengukuran Tahap Risiko Kasar

Risiko rasuah dapat diukur dan dikenalpasti kedudukannya dalam membuat penilaian sama ada tinggi (*high*), signifikan (*significant*), sederhana (*moderate*) atau rendah (*low*) dengan membandingkan kesan dan kemungkinan berlakunya terhadap toleransi entiti risiko.

4. **Kenalpasti Kawalan Sedia Ada (*existing control*) dan Kawalan Tambahan (*additional control*)**

Di dalam proses ini, hendaklah mengenalpasti kawalan sedia ada terhadap semua aktiviti yang dijalankan. Sekiranya kawalan sedia ada kurang memberi impak yang berkesan maka kenalpasti apakah kawalan tambahan yang diperlukan bagi mengawal rasuah dari berlaku. Contohnya kawalan sedia ada adalah seperti Akta dan peraturan dalaman, Prosedur Operasi Seragam (SOP), pemantauan, dan lain-lain instrumen berkaitan.

5. **Keberkesanan Kawalan Sedia ada (*Control effectiveness*)**

Penilaian ke atas keberkesanan kawalan organisasi dalam menguruskan risiko tertentu selepas pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada faktor-faktor persekitaran luaran. Keberkesanan diukur melalui 3 tahap iaitu berpuas hati (*satisfactory*), sedikit kelemahan (*some weakness*) dan lemah (*weak*). Penjelasan tahap tersebut adalah seperti jadual di bawah:

Satisfactory	<i>Controls are strong and operating properly providing a reasonable level of assurance that objectives are being achieved</i>
Some Weakness	<i>Some control weakness/inefficiencies have been identified. Although these are not considered to present a serious risk expose, improvements are required to provide reasonable assurance that objectives will be achieved.</i>
Weak	<i>Controls do not meet an acceptable standard, as many weaknesses/inefficiencies exist. Controls do not provide reasonable assurance that objective will be achieved.</i>

6. **Baki Tahap Risiko (*Residual Risk Rating*)**

Penilaian baki tahap risiko hendaklah dibuat setelah mengambil kira semua kawalan sedia ada bagi mengawal risiko rasuah dalam aktiviti tersebut. Penentuan baki tahap risiko adalah dibuat berdasarkan kepada jadual dibawah:

Likelihood of Occurrence	Almost Certain	Significant	Significant	High	High	High
	Likely	Significant	Significant	High	High	High
	Moderate	Low	Moderate	Significant	High	High
	Unlikely	Low	Low	Moderate	Significant	High
	Rare	Low	Low	Moderate	Significant	Significant
		Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
		Magnitude of Impact				





Risk matrix – Residual Risk

7. **Pilihan Rawatan Risiko (*Risk Treatment Option*)**

Seterusnya bergantung kepada tahap risiko yang telah dikenalpasti maka hendaklah memilih rawatan risiko bagi mengawal risiko tersebut. Terdapat beberapa strategi dalam memilih rawatan risiko iaitu seperti berikut:

- a) Menamatkan (*Terminate*);
- b) Mengurangkan (*Reduce*);
- c) Menerima (*Accept*) atau
- d) Memindahkan (*Pass On*).

6.1 MATLAMAT STRATEGIK/PERANCANGAN STRATEGIK

-  Merancang dan Menyediakan perkhidmatan kebombaam dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda dan alam sekitar serta meningkatkan tahap keselamatan kebakaran dan kesedaran awam.
-  Memastikan khidmat operasi yang cekap, berkesan dan sistematik bagi melindungi nyawa dan kemusnahan harta benda mengikut peruntukan undang-undang.
-  Mengamalkan Budaya Pencegahan Dan Keselamatan Kebakaran.
-  Penggerak kecemerlangan tadbir urus korporat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang berkesan dan dinamik.

Proses-proses Utama yang berkait dengan Matlamat Strategik						
Bahagian Operasi Kebombaam dan Penyelamatan	Bahagian Pembangunan	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	Bahagian Korporat	Bahagian Latihan		
Bahagian Keselamatan Kebakaran	Bahagian Kejuruteraan Jentera	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	Bahagian Pengurusan	Bahagian Udara		
Potensi Risiko Rasuah (berkait dengan proses-proses)						
Perkhidmatan Fire Drill Dan Evacuation	Pengurusan Aset	Penguatkuasaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran	Laporan Punca Kebakaran	Pengurusan Imej Korporat Jabatan	Spesifikasi Perolehan Jabatan	Ketelusan Tuntutan Kerja-Kerja Yang Dilakukan
Perkhidmatan Khidmat Khas	Pengurusan ICT	Pemprosesan Pelan Teknikal	Ambil Milik Premis	Kepuasan Pelanggan Dan Stakeholder	Kerahsian Pengurusan Maklumat Perolehan	Penyediaan Perancangan Pengurusan Kewangan Tahunan
Laporan Kebakaran Dan Kecemasan (SLKK)	Pengurusan Latihan Dan Modal Insan	Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan CCC	Pendakwaan	Kelulusan Ujian Komponen Bahan	Pemantauan Dan Pengesahan Kerja-Kerja Penyelenggaraan	
Pengurusan Kewangan Dan Perolehan	Pengeluaran Perakuan Bomba (FC)	Pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan	Pengkompaunan Kesalahan	Ketidakpatuhan Ujian Dan Kajian Bahan	Ketelusan Dalam Pemilihan Dan Penentuan Kontraktor	Pengurusan Dan Kepimpinan Dalam Tadbir Urus

6.2 PEMETAAN RISIKO RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



PEMETAAN RISIKO RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KHIDMAT OPERASI



1.

Perkhidmatan *Fire Drill* dan *Evacuation*

Pegawai mengenakan bayaran perkhidmatan *Fire Drill*.

2.

Perkhidmatan Khidmat Khas

Tadbir urus pelaksanaan perkhidmatan.

3.

Laporan Kebakaran dan Kecemasan (SLKK)

Pegawai mengenakan bayaran lebih untuk menyejgerakan pengeluaran SLKK.

KHIDMAT PENGURUSAN



4.

Pengurusan Kewangan dan Perolehan

Kebocoran maklumat teknikal spesifikasi perolehan.

5.

Pengurusan Aset

Pegawai menyalahgunakan aset untuk kegunaan peribadi atau tujuan lain.

6.

Pengurusan ICT

Ketirisan data dan maklumat ICT.

7.

Pengurusan Latihan dan Modal Insan

Pegawai menggunakan peruntukan latihan untuk aktiviti lain atau membuat tuntutan walaupun latihan tidak dijalankan.

PENGUATKUASAAN AKTA 341



8.

Pengeluaran Perakuan Bomba (FC)

Pengeluaran Perakuan Bomba (FC) tanpa melakukan pemeriksaan menyeluruh.

9.

Penguatkuasaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran

Menyembunyikan kesalahan semasa pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK).

10.

Pemprosesan Pelan Teknikal

Penentuan kepatuhan kehendak kebombaian dimanipulasi oleh Pegawai pemproses pelan.

11.

Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan CCC

Penyelewangan dalam pengeluaran Surat Sokongan CCC.

12.

Pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan

Penyelewangan dalam pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan Perniagaan.

13.

Laporan Punca Kebakaran

Pegawai Penyiasat mengesahkan punca kebakaran mengikut kehendak mangsa kebakaran.

14.

Ambil Milik Premis

Pegawai menggunakan kuasanya dalam menentukan tempoh pengambilan premis bagi menerima ganjaran dari pemilik premis untuk mempercepatkan proses serah milik.

15.

Pendakwaan

Pegawai menghapuskan bukti pelanggaran dan mengubah fakta kes dalam kertas siasatan.

16.

Pengkompaunan Kesalahan

Pegawai tidak Mengeluarkan Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan (NTUMK) setelah pemeriksaan dijalankan terhadap pelaku pelanggaran Akta 341.

KORPORAT



17.

Pengurusan Imej Korporat Jabatan

Berlaku penyalahgunaan media sosial yang boleh mencemarkan imej Jabatan.

18.

Kepuasan Pelanggan dan Stakeholder

Tindakan lewat terhadap isu yang dibangkitkan oleh pelanggan.

PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN



19.

Kelulusan Ujian Komponen Bahan

Pegawai mengubah dan menerima keputusan ujian yang gagal kepada lulus semasa melaksanakan ujian bahan.

20.

Ketidakpatuhan Ujian dan Kajian Bahan

Pegawai tidak mematuhi SOP yang ditetapkan dalam melaksanakan ujian bahan.

21.

Spesifikasi Perolehan Jabatan

Spesifikasi yang tidak jelas dan dakwaan memihak kepada pihak berkepentingan.

KEJURUTERAAN JENTERA



22.

Kerahsian Pengurusan Maklumat Perolehan

Pegawai membocorkan maklumat sebutharga /tender untuk mendapatkan ganjaran dari penyebutharga.

23.

Pemantauan dan Pengesahan Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan tidak dipantau dan pengesahan kerja yang tidak berhemah.

24.

Ketelusan Dalam Pemilihan dan Penentuan Kontraktor

Campurtangan luar dalam pemilihan dan penentuan kontraktor.

25.

Ketelusan Tuntutan Kerja-Kerja Yang Dilakukan

Pembayaran tuntutan dibuat kepada pembekal tanpa menerima perolehan atau perkhidmatan .

26.

Penyediaan Perancangan Pengurusan Kewangan Tahunan

Perancangan pengurusan kewangan tahunan yang tidak menepati keperluan dan dasar yang ditetapkan.

27.

Pengurusan dan Kepimpinan Dalam Tadbir Urus

Kebertanggungjawaban dan komitmen pegawai di bahagian yang terlibat.

6.3 POTENSI RISIKO RASUAH

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
1	KHIDMAT OPERASI	Perkhidmatan fire drill dan evacuation	Pegawai mengenakan bayaran perkhidmatan Fire Drill	<ol style="list-style-type: none"> Pelanggan tidak mengetahui prosedur. Pelanggan memohon untuk mempercepatkan dan mempermudah pelaksanaan fire drill. Kekangan masa dalam pelaksanaan akibat kekurangan anggota. Wujudnya ruang permintaan yang tinggi dari pihak penganjur. 	<ol style="list-style-type: none"> Menjatuhkan imej jabatan Kepercayaan masyarakat kepada jabatan akan menurun 	Moderate	Rare	Moderate	Reduce
2		Perkhidmatan Khidmat Khas	Tadbir urus pelaksanaan perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> Integriti dan akauntabiliti. Pengawasan, seliaan dan pemantauan. Pelanggaran prosedur pengeluaran SLKK. 	<ol style="list-style-type: none"> Menjatuhkan imej jabatan Kepercayaan masyarakat kepada jabatan akan menurun Laporan yang tidak tepat atau meragukan 	Moderate	Rare	Moderate	Reduce
3		Laporan Kebakaran dan Kecemasan (SLKK)	Pegawai mengenakan bayaran lebih untuk mengegerakan pengeluaran SLKK	<ol style="list-style-type: none"> Pelanggan tidak mengetahui peraturan atau prosedur berkaitan. Pengurusan pelaksanaan yang tidak berhemah dan teratur. 	<ol style="list-style-type: none"> Menjatuhkan imej jabatan Kepercayaan masyarakat kepada jabatan akan menurun 	Minor	Rare	Low	Reduce

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
4	KHIDMAT PENGURUSAN	Pengurusan Kewangan dan Perolehan	Kebocoran maklumat teknikal spesifikasi perolehan	<ol style="list-style-type: none"> Integriti dan akauntabiliti pegawai terlibat dalam proses perolehan. Kurang pemantauan oleh pihak urus setia yang terlibat dalam proses perolehan. Berlaku salahguna kuasa di kalangan ahli dalam jawatankuasa yang dilantik. Tidak mematuhi kehendak peraturan atau pekeliling berkaitan. Tidak melaksanakan sebagaimana SOP/Fail meja 	<ol style="list-style-type: none"> Boleh membuka ruang dan peluang kepada rasuah seperti tuntutan palsu yang boleh menjejaskan imej jabatan Pemilihan peralatan/projek/perkhidmatan tidak mengikut kehendak bahagian/jabatan. Boleh mengancam nyawa pengguna dan menjejaskan prestasi pengoperasian dan penyelamatan 	Minor	Unlikely	Low	Reduce
5		Pengurusan Aset	Pegawai menyalahgunakan aset untuk kegunaan peribadi atau tujuan lain	<ol style="list-style-type: none"> Pegawai tiada pengetahuan dari segi tugas dan tanggungjawab pengurusan aset tempat bertugas Kurang pemantauan dari segi rekod dan penempatan aset. Salahguna kuasa ke atas aset untuk tujuan peribadi. Tidak mematuhi kehendak Akta/ Peraturan dari segi prosedur tatacara pengurusan aset. Kelemahan perancangan pembelian aset. 	<ol style="list-style-type: none"> Boleh membuka ruang dan peluang kepada rasuah seperti penyalahgunaan harta kerajaan untuk kepentingan diri (self interest) yang merugikan jabatan/ keselamatan organisasi dan Negara. Pembaziran sumber kewangan jabatan. Mengurangkan prestasi kerja dalam jabatan 	Minor	Unlikely	Low	Reduce

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
6	KHIDMAT PENGURUSAN	Pengurusan ICT	Ketirisan data dan maklumat ict	<ol style="list-style-type: none"> Pegawai kurang berintegriti dalam menjaga maklumat penting jabatan. Kurang pemantauan terhadap capaian sistem. Akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pentadbir sistem. Tidak mematuhi kehendak Akta, Peraturan dan Pekeliling berkaitan. Tidak melaksanakan tugas dan peranan sebagaimana senarai tugas jawatan. 	<ol style="list-style-type: none"> Boleh membuka ruang dan peluang kepada rasuah seperti penyalahgunaan data maklumat untuk kepentingan diri (self interest) dan merugikan jabatan/keselamatan organisasi dan Negara. Penyebaran maklumat-maklumat penting jabatan secara mudah. Membolehkan sistem maklumat jabatan boleh diakses tanpa sekatan. Risiko kehilangan maklumat penting jabatan. Keputusan penting yang dibuat tidak tepat berdasarkan maklumat yang tidak berintegriti. 	Minor	Unlikely	Low	Reduce
7		Pengurusan Latihan dan Modal Insan	Pegawai menggunakan peruntukan latihan untuk aktiviti lain atau membuat tuntutan walaupun latihan tidak dijalankan	<ol style="list-style-type: none"> Pegawai kurang berkemahiran dalam membuat keputusan. Kurang pemantauan terhadap program latihan yang dirancang Tidak mematuhi kehendak Akta/ Peraturan Tidak melaksanakan sebagaimana SOP/Fail meja 	<ol style="list-style-type: none"> Pelantikan pegawai yang tidak berkualiti dan berkelayakkan. Penyampaian perkhidmatan yang tidak memuaskan. Meningkatkan risiko kecederaan kepada peserta kursus Pembaziran sumber kewangan jabatan. Program latihan yang tidak efektif dan efisien. 	Minor	Unlikely	Low	Reduce

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
8	PENGUATKUASAAN AKTA 341	Pengeluaran Perakuan Bomba (FC)	Pengeluaran Perakuan Bomba (FC) tanpa melakukan pemeriksaan menyeluruh	<ol style="list-style-type: none"> Tidak mematuhi arahan jabatan yang telah dikeluarkan. Sistem dan prosedur kerja yang sedia ada yang lemah Kurang penghayatan nilai-nilai murni dan kod etika perkhidmatan dikalangan pegawai dan anggota bomba Kurang pemantauan dan penyeliaan Kurang auditan atau naziran yang dilaksanakan terhadap pelaksanaan proses kerja. Pegawai senang dipengaruhi oleh pihak berkepentingan disebabkan oleh kurang pengetahuan pegawai pemeriksa 	<ol style="list-style-type: none"> Bangunan yang tidak mematuhi kehendak kebommbaan beroperasi dan boleh membahayakan nyawa dan harta benda. Imej dan reputasi JBPM terjejas Persepsi negatif oleh masyarakat negara ini terhadap integriti JBPM Pemeriksaan bangunan dijalankan tidak menyeluruh 	Moderate	Rare	Moderate	Reduce

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
9	PENGUATKUASAAN AKTA 341	Penguatkuasaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran	Menyembunyikan kesalahan semasa pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK).	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak mematuhi arahan jabatan yang telah dikeluarkan. 2. Sistem dan prosedur kerja yang sedia ada yang lemah 3. Kurang penghayatan nilai-nilai murni dan kod etika perkhidmatan dikalangan pegawai dan anggota bomba 4. Kurang pemantauan dan penyeliaan 5. Kurang auditan atau naziran yang dilaksanakan terhadap pelaksanaan proses kerja. 6. Pegawai senang dipengaruhi oleh pihak berkepentingan disebabkan oleh kurang pengetahuan 7. Kekurangan pegawai memeriksa 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bangunan yang tidak mematuhi kehendak kebommbaan beroperasi dan boleh membahayakan nyawa dan harta benda. 2. Imej dan reputasi JBPM terjejas 3. Persepsi negatif oleh masyarakat negara ini terhadap integriti JBPM 4. Pemeriksaan bangunan dijalankan tidak menyeluruh 	Moderate	Rare	Moderate	Reduce
10		Pemprosesan Pelan Teknikal	Penentuan kepatuhan kehendak kebommbaan dimanipulasi oleh Pegawai pemproses pelan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak mematuhi arahan jabatan yang telah dikeluarkan. 2. Sistem dan prosedur kerja yang sedia ada yang lemah 3. Kurang penghayatan nilai-nilai murni dan kod etika perkhidmatan dikalangan pegawai dan anggota bomba 4. Kurang pemantauan dan penyeliaan 5. Kurang auditan atau naziran yang dilaksanakan terhadap pelaksanaan proses kerja. 6. Pegawai senang dipengaruhi oleh pihak berkepentingan disebabkan oleh kurang pengetahuan 7. Kekurangan pegawai memeriksa 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bangunan yang tidak mematuhi kehendak kebommbaan beroperasi dan boleh membahayakan nyawa dan harta benda. 2. Imej dan reputasi JBPM terjejas 3. Persepsi negatif oleh masyarakat negara ini terhadap integriti JBPM 4. Pemeriksaan bangunan dijalankan tidak menyeluruh 	Moderate	Rare	Moderate	Reduce

No	Kluster	Risiko	Penerangan	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan (TRAP)
